



UNTUK SIARAN SEGERA

**MIDF AMANAH ASSET MANAGEMENT LANCAR DANA ESG
PATUH SHARIAH**

KUALA LUMPUR, 18 JUN 2021 - MIDF Amanah Asset Management Berhad (MIDF Asset Management) hari ini mengumumkan pelancaran Dana ESG Mustadamah (MAEM) baharu, penyelesaian pelaburan siap sedia untuk pasaran ekuiti tempatan yang menggabungkan pertimbangan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) berdasarkan FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) indeks syarikat Shariah, sekali gus menjadikan pelanggan lebih mudah untuk melabur pada masa depan yang lebih lestari untuk Malaysia.

'Mustadamah' secara longgar diterjemahkan sebagai keupayaan untuk mengekalkan (*ability to sustain*) dan dana baharu ini adalah produk 'Sustainable and Responsible Investment' (SRI) pertama kumpulan yang disasarkan untuk mencapai peningkatan modal mampan bagi jangka masa sederhana hingga panjang dengan pelaburan dalam portfolio ekuiti patuh Shariah tempatan berdasarkan prinsip pelaburan lestari.

"Pelancaran Dana ESG Mustadamah mencerminkan peningkatan selera pengguna untuk melaburkan wang mereka demi masa depan yang lebih lestari untuk Malaysia dan ini membolehkan pelanggan kami membuat pilihan yang lebih berimpak, relevan dan lestari melalui penyelesaian pelaburan baharu ini. Kami berharap dana ini dapat memenuhi keperluan dan menjadi keutamaan pelabur, lebih daripada sekadar keuntungan kewangan," kata Ketua Pegawai Eksekutif MIDF Amanah Asset Management, Mohamed Sany bin Mohamed Zainudin.

Pelaburan berorientasikan ESG semakin mendapat perhatian sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan didorong peningkatan kesedaran sosial, urus tadbir dan pengguna terhadap kesan yang lebih besar terhadap syarikat serta pelabur dan

pasukan pengurusan yang menyedari bahawa penerapan ESG yang kukuh dapat melindungi kejayaan jangka masa panjang syarikat.

Pandemik COVID-19 juga mempercepatkan proses penerapan ESG, termasuklah pembiayaan hijau dan digitalisasi pada polisi pelaburan arus perdana. Disebut sebagai krisis keberlanjutan pertama abad ke-21, ia telah memperbaharui fokus pada perubahan iklim, antara lain mengalihkan fokus para pembuat keputusan untuk mengutamakan pendekatan pelaburan yang lebih lestari.

###

Tentang MIDF

Kumpulan MIDF kini menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang kompetitif dan pelbagai termasuklah Perbankan Pelaburan, Pembangunan Kewangan dan Pengurusan Aset.

MIDF ditubuhkan pada tahun 1960 hasil kajian oleh Bank Dunia. MIDF adalah institusi pembiayaan pembangunan utama negara dan telah memainkan peranan penting dalam mempercepat pembangunan dan pemodenan industri pembuatan negara.

MIDF adalah anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Irmawati Mahamad Tahir

Timbalan Presiden
Komunikasi Strategik Kumpulan
Ph: (03) 2173 8756
HP: (012) 492 3707
E-mel: irmawati@midf.com.my

Farrash Hasbollah

Penolong Timbalan Presiden
Komunikasi Strategik Kumpulan
Ph: (03) 2772 8756
HP: (019) 661 3535
E-mel: farrash@midf.com.my